

SIDANG MENGENAI KAMPUCHEA

Malaysia optimis capai hasil

NEW YORK, Isnin — Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, melahirkan rasa optimisnya tentang kemungkinan hasil persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea tajaan Bangsa-bangsa Bersatu yang dijadual bermula lewat hari ini.

Beliau memberitahu pemberita Malaysia di sini menjelang persidangan itu bahawa sambutan beberapa negara anggota bukan Asean kepada deraf syor pertubuhan tersebut untuk menyelesaikan sengketa Kampuchea yang berlarutan sejak 30 bulan lalu adalah menggalakkan.

Bagaimanapun, beliau membayangkan deraf asal perisytiharan Asean

itu mungkin ada sedikit perubahan untuk menyesuaikan dengan pandangan-pandangan negara-negara yang bersahabat, tanpa mengorbankan pokok atau makna penyelesaian yang disyorkan.

"Deraf asal kami cuma suatu garis panduan untuk digunakan sebagai kertas berbincangan. Sudah pastilah ia akan dipinda di sana sini untuk memasukkan pandangan-pandangan lain-lain negara yang menyokong pendirian kami," katanya.

Beliau mensifatkan deraf Asean itu sebagai satu syor keseluruhan untuk mencari penyelesaian politik yang berpanjangan mengenai masalah Kampuchea.

Apa yang perlu dibuat oleh masyarakat dunia sekarang untuk menyelesaikan sengketa itu ialah dengan menunjukkan usaha-usaha yang ikhlas dan jujur mencari penyelesaian tersebut, katanya.

Buat Asean sendiri, beliau gembira pertubuhan itu telah mengemukakan cara-caranya bagi mengatasi masalah tersebut.

Beliau berkata persidangan ialah yang pertama dan persidangan-persidangan berikutnya akan diadakan untuk mendapatkan suatu penyelesaian yang boleh diterima bagi mewujudkan keamanan dan ketenteraman di Kampuchea.

Beliau berharap negara-negara yang tidak diwakili dalam persidangan itu akan mengambil bahagian dalam persidangan-persidangan akan datang untuk turut menyumbang mencari penyelesaian.

"Asas yang kami letakkan dalam persidangan ini akan merupakan suatu sumber galakan kepada usaha-usaha selanjutnya," tambah beliau.

Deraf perisytiharan Asean yang digubal oleh Menteri-menteri Luar negara-negara tersebut dalam sidang mereka di Manila baru-baru ini, antara lain menyeru diadakan gencatan senjata di negara Indochina yang berperang itu di bawah penyeliaan pasukan pendamai Bangsa-bangsa Bersatu.

Pilihanraya

Pasukan Bangsa-bangsa Bersatu juga hendaklah ditugas menyelia pengunduran semua tentera asing dari bumi Kampuchea dan perlucutan senjata semua pihak-pihak Khmer sebaik selesai pengunduran tersebut.

Deraf itu juga mencadangkan dibentuk pemerintahan sementara yang diterima oleh semua pihak dan yang berkepentingan menadbir Kampuchea sebelum diadakan pilihanraya di bawah pengawasan Bangsa-bangsa Bersatu bagi membolehkan rakyat Kampuchea memilih kerajaan sendiri.

Tengku Ahmad Rithauddeen dengan rakan sejawatnya Prof. Mochtar Kusumaatmadja (Indonesia), Carlos Romulo (Filipina), S. Dhanabalan (Singapura) dan Masyel Udara Sidhi Savetsila (Negeri Thai) telah menemui Menteri-menteri Luar lain sejak tiga hari lalu untuk menerangkan tentang pendirian Asean sambil mendapatkan pandangan mereka mengenai deraf perisytiharan itu.

Beliau sendiri telah berbincang dengan Menteri Luar China, Han Nyan dan yang lain dari Sweden, Austria, Yugoslavia serta negara-negara berkecuali.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia